

NUKLEAR MALAYSIA *in the News* 2019



NEWS

Advisor

Dr. Mohd. Abd. Wahab bin Yusof

Coordinator

Habibah binti Adnan

Editor

Norzehan binti Ngadiron
Raja Musfarizal binti Raja Muhamad

Designer

Norhidayah binti Jait
Mohd Idzwan bin Md Zin

Corporate Communication Unit

Cik Hasfazilah Binti Hassan
Pn. Lathifah Abdul Hamid
En. Abdul Halim

Thank you notes

This book is a compilation of newspaper clippings and online media to portray the successful story of Malaysian Nuclear Agency (Nuklear Malaysia) in 2019. We would like to thank to all media for the co-operation and continuous support. It is hoped that the story ties between reporters and researchers will continue to enhance Malaysia's future development in nuclear technology.

Newsman



Content : Newspaper

DATE	ARTICLE	NEWSPAPER	PAGE
09 JUNE 2019	'JODOH' BERSAMA TENAGA ATOM	HARIAN METRO	1-2
03 OCTOBER 2019	NUKLEAR MALAYSIA KAJI 5G AKHIR TAHUN INI	HARIAN METRO	3
27 NOVEMBER 2019	MALAYSIAN NUCLEAR AGENCY: ADA RISIKO MENGAKIBATKAN KANSER. MALAYSIA TIDAK AKAN MENGGUNAKAN KUASA NUKLEAR UNTUK PENJANAAN ELEKTRIK	SIN CHEW DAILY	4
27 NOVEMBER 2019	RENEWABLE ENERGY THE WAY FORWARD FOR M'SIA-ABG JO	THE BORNEO POST	5
27 NOVEMBER 2019	RENEWABLE ENERGY FAVOURED	NEW SARAWAK TRIBUNE	6
27 NOVEMBER 2019	MALAYSIA PERLU TUMPU TEKNOLOGI TENAGA BAHARU	UTUSAN BORNEO	7
27 NOVEMBER 2019	PENGGUNAAN TEKNOLOGI TENAGA NUKLEAR DALAM INDUSTRI DI MALAYSIA TERKAWAL DAN SELAMAT	UTUSAN BORNEO	8
27 NOVEMBER 2019	MALAYSIA PATUT FOKUS NGAGAI TEKNOLOGI KUASA BARU	UTUSAN BORNEO	9
27 NOVEMBER 2019	BANGUNKAN TENAGA BOLEH DIPERBAHARUI	UTUSAN SARAWAK	10

KARISMA

Nurul Husna Mahmud
nurul_husna@hmetro.com.my

Mendengar saja radiasi atau nuklear, pada kebanyakan orang kedua-duanya cukup mengerutkan, namun bagi Presiden Women In Nuclear Malaysia (WiN) Dr Siti Aiasah Hashim itu adalah dunianya.

Keterujaan beliau untuk mengenali dunia radiasi sudah terbit sejak zaman sekolah lagi dan mengukui ia bermula dengan perdebatan bersama rakan sekelasnya ketika itu.

Bekas pelajar cemerlang Sekolah Tun Fatimah Johor itu berkata, tidak sangka 'jodohnya' bersama tenaga atom itu cukup kuat menerusi pertemuan kembali dengan senior yang ketika itu berkhidmat bersama Agensi Nuklear Malaysia.

"Sebenarnya ada kisah menarik saya boleh kongsi mengenai perjalanan saya dalam bidang nuklear ini. Saya ini lepasan ijazah kejuruteraan elektrik dari sebuah universiti di Sydney.

"Semasa saya pelajar high school di New South Wales, Australia saya mengikuti aktiviti usrah dikendalikan seorang senior ketika itu dan pernah mengunjungi rumahnya. Setelah beberapa tahun terputus hubungan selepas kembali ke Malaysia, saya bertemu kembali dengannya ketika mengendalikan satu projek membabitkan syarikat swasta yang mana saya berkhidmat ketika itu bersama Agensi Nuklear Malaysia.

"Beliau memaklumkan ada jawatan kosong sebagai jurutera. Pada mulanya saya tidak diterima kerana pegawai yang mengendalikan sesi temuduga itu memaklumkan kelayakan saya tidak memenuhi kriteria yang dicari.

"Tetapi senior saya bertegas mahu menawarkan jawatan lain iaitu pegawai penyelidik sambilan kepada saya. Skop tugas saya sangat berbeza iaitu lebih kepada mengendalikan latihan dan kursus untuk kakitangan selama setahun setengah.

"Saya terima ketika itu memikirkan sudah berkeluarga dan lokasi agensi itu

berhampiran dengan kediaman memudahkan menguruskan urusan harian.

"Tidak lama kemudian sekitar tahun 1992, waktu itu Malaysia baru saja menerima hadiah berupa sebuah mesin alur elektron melalui kerjasama dengan Japan International Cooperation Agency (JICA). Itu adalah titik permulaan penggunaan teknologi penyorotan alur electron bertenaga tinggi.

"Jadi ketika itu Agensi Nuklear Malaysia memang mencari jurutera dan saya cuba nasib sehingga diterima kerana tiada calon lelaki datang ketika itu.

"Dulu, peluang untuk perempuan terutama dalam bidang kejuruteraan agak terhad. Wanita perlu bergelut dengan persepsi masyarakat bahawa industri berat bukanlah lapangan wajar untuk kami.

"Apatah lagi dalam bidang nuklear dan ditambah pula fasiliti itu tampilkan teknologi baru. Tentu saja perempuan bukanlah satu pilihan tetapi sudah tersurat rezeki saya ketika itu, saya diterima sehinggalah memegang tanggungjawab mengendalikan fasiliti mahupun teknologi nuklear itu selama 20 tahun," katanya.

Menyingkap kenangan tidak boleh dilupakan, wanita berjiwa besar ini tersenyum. Terlalu banyak yang indah antaranya perlu mengetahui sekumpulan juruteknik berpengalaman sedangkan dia baru berusia awal 30-an dan perempuan pula! Tentulah ia bukan tugas mudah untuk meraih kepercayaan dan kerjasama semua.


"Saya masih teringat soalan pertama yang diberikan seorang juruteknik paling 'senior' yang mengutarakan isu penampilan kerana saya mengenakan jubah waktu itu. 'Bila hendak tukar seluar?' Soalnya pendek, tetapi cukup menyentak hati.

"Saya akur dan mula mengenakan pakaian sewajarnya untuk jurutera teknikal dan mereka memang uji saya sehabis-habisnya termasuklah minta saya lakukan kerja penyelenggaraan.

"Daripada kerja panjang memanjat sehinggalah masuk ke tangki, semua saya buat dan boleh dikatakan saya menyahut

'JODOH' BERSAMA TENAGA ATOM

■ Dr Siti Aiasah kendali fasiliti, teknologi nuklear selama 20 tahun



KOMITED terhadap kerja dan peranannya dalam terus memberi kefahaman awam terhadap manfaat nuklear.

PROFIL

NAMA: Dr Siti Aiasah Hashim
UMUR: 57 tahun
ASAL: Tampin Negeri Sembilan.
PERANAN: Presiden Women In Nuclear Malaysia (WiN)
STATUS: Berkahwin, pasangan Wan Hasamudin Wan Hassan, 57, dan anak, Sakinah Bashirah, 34, Luqman Basyar, 32, Muhammad Naim Assidiq, 29, Muhammad Amir Firdaus, 28, Nurul Farhanah, 26.

semua cabaran yang mereka beri.

"Sebenarnya mereka juga guru kepada saya dan banyak mengajar kerja lapangan sepanjang saya berkhidmat. Apabila mereka lihat kesungguhan saya terhadap profesion dan tugas ketika itu, mereka percaya.

"Saya juga mempunyai hubungan baik dengan jurutera dan penyelidik dari negara terbabit dalam bidang akselerator seperti Jepun, Russia, Australia dan banyak lagi.

"Satu lagi pengalaman menarik ketika mula berkhidmat sebagai jurutera fasiliti, saya ketika itu baru sebulan melahirkan anak dan perlu ke Jepun untuk mengikuti latihan.

"Saya masih ingat betapa mereka (orang Jepun) terkejut Malaysia menghantar jurutera perempuan. Mereka memberi seragam iaitu baju makmal berlainan dengan pakaian sewajarnya dikenakan juruteknik yang ada ketika itu. Saya mendesak penyelia saya ketika itu agar dibekalkan seragam sama.

"Mereka pada mulanya keberatan tetapi akur kerana protokol mesti dipatuhi selain saya perlu



'JODOH' BERSAMA TENAGA ATOM

"Malaysia antara negara yang memiliki teknologi ini dan berharap lebih ramai pakar dapat dilahirkan serta terbahit dalam penyelidikan tenaga nuklear atau mengenai kebaikan sinaran ini"

Dr Siti Aliasah

09-06-2019

rencana

51

METROAHAD



DR Aliasah contoh wanita dari 'nuklear'.

iaitu arwah ayah saya Hashim Amor dan ibu, Maimunah Alias, keduanya menyokong dan menghormati setiap apa anak mereka ingin lakukan asalkan tidak bertentangan agama.

"Meskipun ayah pesara tentera dan ibu suri rumah, mereka berfikir jauh dan terbuka termasuklah bidang apa yang ingin diceburi biarpun saya anak perempuan dan bongsu dalam keluarga," katanya.

Menyentuh cabaran hebat kepada bidang tenaga nuklear, sebenarnya kata Dr Aliasah persepsi masyarakat cukup mencabar apatah lagi selepas peristiwa tsunami yang melanda Fukushima di Jepun menyebabkan kerosakan besar pada reaktor nuklear di sana. Insiden ini telah memberi pandangan negatif kepada masyarakat (tanpa melihat manfaat teknologi itu).

"Beralih kepada peranan saya sebagai Presiden (WiN) Malaysia, tentu saja untuk mengubah dan penerimaan umum mengenai kebaikan nuklear menjadi cabaran saya dan WiN ketika ini.

"Sedangkan manfaat boleh didapati hasil teknologi itu meluas. Antara contoh dekat saya boleh kongsi dalam bidang perubatan yang digunakan begitu meluas. Lain pula dalam industri seperti automotif iaitu sinaran digunakan untuk meningkatkan kualiti bahan penambat wayar yang digunakan dalam ruang enjin kereta supaya tahan haba tinggi.

"Ilmu dan hasil teknologi seperti inilah yang kami - pelopor atau pakar dalam bidang nuklear - ingin kongsi. Bukannya impak seperti dalam senjata dan sebagainya.

"Malaysia antara negara yang memiliki teknologi ini dan berharap lebih ramai pakar dapat dilahirkan serta terbahit dalam penyelidikan tenaga nuklear atau mengenai kebaikan sinaran ini," katanya.

Katanya, WiN yang ditubuhkan pada 2014 dengan inisiatif patronnya, Prof Nor Ramli sudah berjaya melahirkan ramai profesional dalam bidang nuklear setanding dengan kepakaran luar. Sehingga kini WiN dianggotai lebih 120 orang yang terbahit dalam bidang nuklear.



PERCUTIAN keluarga ke Dubai 2016.

Ayah jadi inspirasi

1. Siapakah idola anda?

Kalau idola ayah saya, Haji Hashim Haji Amor kerana dia menjadi inspirasi kepada anak-anak mengenai sikap beliau cintakan ilmu. Ayah saya meskipun sudah berumur hampir pencen ketika itu sanggup belajar secara pos dan mengambil peperiksaan SRP dengan kelulusan cemerlang. Dia gantung keputusan di dinding untuk anak dia serta anak buah lain mencontohi semangat dan tekadnya.

2. Negara yang gemar dikunjungi?

Jepun kerana sikap dan moral masyarakatnya sangat tinggi. Saya kagum dengan pembawaan diri mereka dan semangat negara itu meskipun pernah jatuh tetapi mereka bangkit semula. Kini meskipun mempunyai teknologi maju, tetapi mereka tidak ketepikan adat mahupun budaya tradisi.

3. Makanan kegemaran?

Saya sangat suka daging.

Jadi saya tidak kisah masakan apa asal daging. Saya pernah mencuba daging unta dan kalau kena dengan cara masakan, daging berkenaan boleh menjadi sangat enak.

4. Hobi?

Memasak dan kini ada hobi baru iaitu membuat renda atau orang panggil 'tatting'.

5. Siapakah penulis kegemaran?

Dan Brown kerana pada saya penulis novel ini ada masukkan elemen saintifik dalam kisah misteri ditulis. Dalam buku 'Angels and Demons' beliau telah menyelidik bagaimana teknologi akselerator digunakan oleh ahli fizik untuk mencari apa yang mereka panggil 'god's particle' atau 'antimatter'. Ini membuatkan saya lebih teruja untuk membaca karya beliau.

6. Warna kegemaran?

Pastel.

7. Model kenderaan pertama Dr?

Proton Iswara.

MELAWAT anak dan keluarga di Dubai.



kata Dr Aliasah, dia bersyukur memiliki suami yang memahami dan berkompromi dengan kariernya.

"Saya berterima kasih dengan suami yang banyak memberi sokongan terutama ketika dia perlu menjaga anak sewaktu saya terbang keluar untuk mengikuti latihan.

"Saya berkahwin muda iaitu ketika di tahun ketiga universiti dan berumur 22 tahun. Boleh dikatakan masa belajar sudah ada anak dan kami saling membantu sehinggalah tamat belajar.

"Tidak dinafikan ada ketika saya pernah terasa dengan gurauan suami mengenai kerjaya saya yang dianggap menggerunkan. Saya tegas dengan mengatakan tiada bezanya tugas jurutera dalam bidang saya dengan jurutera lain.

"Dia meminta maaf dan menghormati kerjaya saya. Ahli keluarga lain

lakukan semua kerja penyelenggaraan sepanjang latihan terbahit pasti sukar dengan baju makmal yang labuh.

"Lama-kelamaan mereka percaya dan banyak memberi

tunjuk ajar kerana saya buktikan minat terhadap teknologi selain satu-satunya jurutera yang dipertanggungjawab menjaga mesin berkenaan," katanya.

Menyentuh terhadap penerimaan keluarga,



JEMPUTAN untuk bercakap mengenai akselerator dalam slot Traxx fm.

Nuklear Malaysia kaji 5G akhir tahun ini

Kuala Lumpur: Agensi Nuklear Malaysia (Nuklear Malaysia) akan menjalankan kajian terperinci dan penilaian keselamatan terhadap penggunaan teknologi mudah alih generasi kelima atau 5G selewat-lewatnya akhir tahun ini.

Ketua Pengarah Nuklear Malaysia Dr Mohd Abd Wahab Yusof berkata, penilaian dan kajian itu akan dijalankan bersama dengan Kementerian Kesihatan (KKM) serta pihak berkaitan.

Katanya, penggunaan teknologi 5G secara umumnya memberi banyak manfaat kepada masyarakat namun tidak boleh menolak ke-bimbangan orang ramai terhadap isu keselamatan dan kesihatan.

“Ketika ini, kajian terperinci berkaitan penggunaan 5G belum dilakukan dengan meluas di negara luar kerana ia adalah teknologi yang baharu saja diperkenalkan.

“Justeru, kita akan melakukan kajian terperinci dan penilaian keselamatan bagi memastikan masyarakat di negara mendapat maklumat yang sahih sekali gus dapat menerima teknologi terbaru itu dengan lebih terbuka,” katanya.

Beliau berkata media selepas merasmikan Persidangan Antarabangsa Sinaran Tidak Mengion (ICNIR 2019) anjuran Peratuan Pelindungan Sinaran Malaysia (MARPA) di ibu negara, semalam.

Penggunaan teknologi 5G beri banyak manfaat kepada masyarakat

Beliau berkata media selepas merasmikan Persidangan Antarabangsa Sinaran Tidak Mengion (ICNIR 2019) anjuran Peratuan Pelindungan Sinaran Malaysia (MARPA) di ibu negara, semalam.

MALAYSIAN NUCLEAR AGENCY: ADA RISIKO MENGAKIBATKAN KANSER. MALAYSIA TIDAK AKAN MENGGUNAKAN KUASA NUKLEAR UNTUK PENJANAAN ELEKTRIK

核能機構：有致癌風險 馬絕不用核能發電

（古晋26日讯）大马核能机构总监莫哈末阿都瓦合指出，我国政策很明确，绝不会使用核能来发电。

他今日出席2019年辐射防护大会及工作坊开幕典礼后，在新闻发布会表示，虽然核能在其他国家一些领域广泛使用，如工业、医疗及农业，但我国政策下，是绝不允许核能发电。

“使用核能科技必须经过严格处理程序，毕竟这是有致癌的风险。”

砂3度办辐射防护大会

另外，莫哈末阿都瓦合欢迎公众踊跃参与为期4天的2019年辐射防护大会及工作坊，以提高在这方面的知识，保护自己、他人及环境。

他强调，任何使用原子能的工业或领域，都必须高度关注使用过程的安全性，以确保工作环境的安全。

2019年辐射防护大会及工作坊是由大马核能机构与马来西亚辐射防护协会联办，即日起至11月29日在铂尔曼酒店举行。

大会与工作坊已举行22年，第3次在砂拉越举行，以“安全、保安及保障”为主题，希望能引起社会关注，并互相分享及交换意见，确保工作环境安全。



▲砂首长阿邦佐哈里（中）为2019年辐射防护大会及工作坊主持开幕礼；左为大马核能机构总监莫哈末阿都瓦合，右为马来西亚辐射防护协会会长拿督朱基菲里。

▲原子能执照局总监韩拉莫哈末阿里（右）与莫哈末阿都瓦合摄于新闻发布会。



Abang Johari, flanked by Abd Wahab (left) and Zulkifli, launches the Radiation Protection Conference and Workshop.

Renewable energy the way forward for M'sia — Abg Jo

Rintos Mail

KUCHING: Malaysia has to relook its energy policy if the country is to achieve a 'Clean Malaysia' status, says Chief Minister Datuk Patinggi Abang Johari Tun Openg.

He said the country cannot be too dependent on fossil fuels, which are fast depleting and have great impact on the environment, adding he believed renewable energy was the way forward due to its minimal impact on the environment and carbon emission.

"That is why in Sarawak, we are giving strong emphasis on renewable energy, having built our dams to produce hydro power. Currently, we have three fully-operational hydroelectric dams, which are Batang Ai, Bakun and Murum while the Baleh Dam is coming up.

"These four dams have the potential to generate a total of about 22,000 megawatts of electricity," he said at the opening of Radiation Protection Conference and Workshop, here yesterday.

He said aside from generating electric power, water from these

dams can also be used for the production of hydrogen, noting that the state already has a plant for such purpose.

"We are using the water from our dams to produce our hydrogen. So from the dams, we can produce electric power and hydrogen for vehicles.

"That's our commitment to a clean Malaysian and clean Sarawak in particular," he said.

Malaysia Nuclear Agency director-general Dr Mohd Abd Wahab Yusof and Malaysia Radiation Protection Association president Dr Zulkifli Mohamad Hashim were also present.

RENEWABLE ENERGY FAVOURED



Renewable energy favoured

BY TANIA LAM

KUCHING: Sarawak is doing its part to produce and use clean energy, focusing on renewable energy to drive its economy.

"With renewable energy, we do not have to rely on nuclear energy," said Chief Minister Datuk Patinggi Abang Johari Tun Openg in his speech at the opening ceremony of the Radiation Protection Conference and Workshop 2019 at Pullman Hotel here yesterday.

"We are fortunate that we have enough rainfall and many rivers so we can build hydro-electric dams," he said.

Abang Johari said that the latest development was Sarawak's venture into the production and use of hydrogen fuel, adding that the state already had its very own prototype plant.

"This is the way forward. Sarawak has dams which can produce electricity as well as hydrogen (via electrolysis of water). That is the future of our energy supply," he said.

The chief minister said that Sarawak was also sharing its energy with its neighbours such as Kalimantan.

"We will eventually have the Borneo Grid," he said.

Malaysia, he said, was not dependent on nuclear energy as it had many other energy sources.

Nonetheless, he felt that there was a need for the effects of radiation to be explained properly for public education.

"Too much radiation may affect people's health. However, if it is within certain limits, experts can



ABANG Johari (right) and Dr Mohd Abd Wahab (second right) at an exhibition booth after the opening ceremony.
Photo: Ghazali Bujang.

give credible suggestions," he said, adding that experts can be sought to ensure that radiation emitted by electronic devices would not have adverse effects on people.

He stated that three sectors usually had radiation effects, namely, telecommunications, service sector such as the healthcare industry, and

the manufacturing sector.

With regards to telecommunication, Abang Johari said that a common concern of the public was that when a telco tower was built, the surrounding areas would be adversely affected.

Also present at the function were Malaysian Nuclear Agency director-

general Dr Mohd Abd Wahab Yusof, Atomic Energy Licensing Board (AELB) director-general Datuk Hamrah Mohd Ali, and Malaysian Radiation Protection Association (Marpa) president Datuk Dr Zulkifli Mohamed Hashim.

• Another story on page 7

Malaysia perlu tumpu teknologi tenaga baharu

Dasar tenaga perlu dilihat semula, negara tidak harus bergantung kepada satu tenaga untuk penjana kuasa

Oleh Jessica Jawing

KUCHING: Malaysia perlu melihat semula dasar tenaga di negara ini dengan menumpukan kepada teknologi tenaga baharu untuk melangkah jauh ke hadapan.

Ketua Menteri Datuk Patinggi Abang Johari Tun Openg berkata, negara tidak harus bergantung kepada satu tenaga untuk penjana kuasa termasuk nuklear kerana terdapat banyak sumber sebagai alternatif lain.

“Sebab itu kita di Sarawak, kita menumpukan kepada teknologi tenaga diperbaharui dalam usaha kita melangkah ke hadapan kerana ia tidak melibatkan radiasi dan sebagainya.

“Tambahan negeri kita mempunyai banyak sumber air termasuk kesemua empangan hidroelektrik dengan tiga daripadanya beroperasi sepenuhnya iaitu Batang Ai, Bakun dan Murum dan akan datang Balch,” katanya ketika berucap merasmikan Persidangan dan Bengkel Perlindungan Sinaran 2019 anjuran Agensi Nuklear Malaysia dan Persatuan Perlindungan Sinaran Malaysia (MARPA) di sini, semalam.

Malahan kata Abang Johari, Sarawak mengeksport



TEKNOLOGI: Abang Johari (tengah) melakukan simbolik perasmian Persidangan dan Bengkel Perlindungan Sinaran 2019 sambil disaksikan Mohd Wahab (kiri) dan Zulkifli (kanan) di Kuching, semalam. — Gambar Chimon Uporn

tenaga elektrik ke Kalimantan dan pada masa yang sama menyokong bekalan ke Sabah dan Brunei.

Beliau berkata, dengan itu pada masa depan Sarawak akan menjadi pembekal tenaga kuasa menerusi hidroelektriknya kepada negara luar.

“Ini adalah komitmen kami, agar Sarawak khususnya dan Malaysia amnya akan menjadi negeri dan negara bersih

daripada aspek alam sekitar,” tegasnya.

Sementara itu, beliau mempelawa pakar dalam bidang teknologi atom atau nuklear dapat memberi keyakinan kepada masyarakat mengenai kesan perlindungan sinaran terutama dalam beberapa sektor.

Beliau berkata, antara tiga sektor yang sering dikaitkan dengan radiasi atau sinaran daripada teknologi nuklear

termasuk telekomunikasi, perkhidmatan dan pengilangan.

“Dalam perkara seperti ini, kita memerlukan pakar nuklear untuk memberi penerangan tentang kesan keseluruhan daripada penggunaan teknologi nuklear dalam sektor-sektor terbahit dan hanya pakar yang berkebolehan mampu mencadangkan atau menjelaskan mengenai kesan radioaktif

“Sebab itu kita di Sarawak, kita menumpukan kepada teknologi tenaga diperbaharui dalam usaha kita melangkah ke hadapan kerana ia tidak melibatkan radiasi dan sebagainya.”

Datuk Patinggi Abang Johari Tun Openg
Ketua Menteri

daripada penggunaan nuklear,” katanya.

Tambah Abang Johari sebagai contoh dalam sektor telekomunikasi, ia pastinya melibatkan pembinaan atau mendirikan menara di sesetengah kawasan dalam meningkatkan perhubungan termasuk di Sarawak.

Namun katanya, memandangkan usaha berkenaan juga perlu menggunakan penglibatan gentian optik dan sebagainya, ramai masyarakat bimbang terhadap kesanmuja.

Jelasnya malahan ada persepsi daripada masyarakat ia akan memberi kesan buruk dari segi sinaran di kawasan atau kampung berdekatan di mana menara telekomunikasi didirikan.

“Atas sebab itu, kita amat memerlukan bantuan daripada pakar teknologi

nuklear khususnya untuk membantu memberi penerangan kepada mereka,” tegasnya.

Sehubungan itu beliau amat berterima kasih kepada pihak penganjur kerana memilih Kuching khususnya dan Sarawak amnya sebagai tempat penganjuran persidangan mengenai perlindungan sinaran.

Katanya, dengan itu ia secara tidak langsung akan memberi banyak maklumat atau penerangan mengenai teknologi berkenaan terutama kepada masyarakat di negeri ini.

Hadir sama Ketua Pengarah Agensi Nuklear Malaysia Dr Mohd Abdul Wahab Yusof serta Ketua Pengarah Lembaga Pelesenan Tenaga Atom (AELB) dan Presiden MARPA Dr Zulkifli Mohamad Hashim.

PENGUNAAN TEKNOLOGI TENAGA NUKLEAR DALAM INDUSTRI DI MALAYSIA TERKAWAL DAN SELAMAT

Penggunaan teknologi tenaga nuklear dalam industri di Malaysia terkawal dan selamat

KUCHING: Penggunaan teknologi tenaga nuklear dalam industri di negara ini berada pada keadaan terkawal dan selamat setakat ini.

Ketua Pengarah Lembaga Pelesenan Tenaga Atom (AELB) Datuk Hamrah Mohd Ali berkata, lembaga sebagai sebuah badan menguatkuasakan Akta Pelesenan Tenaga Atom 1984 (Akta 304) sentiasa memantau aktiviti berkaitan penggunaan teknologi berkenaan melalui pelesenan dan pemeriksaan.

"Buat masa ini, lebih kurang 1,300 syarikat yang berlesen di bawah akta ini dan kita akan sentiasa memantau serta membuat pemeriksaan secara rutin dan menubuhkan pejabat cawangan di kawasan industri atau pemegang lesen bagi memudahkan kita.

"Sementara di Sarawak, dianggarkan kurang daripada 100 pemegang lesen dalam teknologi ini dengan kebanyakannya di kawasan perindustrian di Bintulu," katanya pada sidang media selepas Majlis Perasmian Persidangan dan Bengkel Perlindungan Sinaran 2019 anjuran Agensi Nuklear Malaysia dan Persatuan Perlindungan Sinaran Malaysia (MARPA) yang disempurnakan Ketua Menteri Datuk Patinggi Abang Johari Tun Openg di sini, semalam.

Sehubungan itu kata Hamrah, satu pejabat cawangan ditubuhkan di Bintulu bagi mendekatkan mereka dengan



LAWATAN: Abdul Wahab (kiri) mengiringi Abang Johari melawat pameran yang diadakan sempena Persidangan dan Bengkel Perlindungan Sinaran 2019. Turut kelihatan Presiden Persatuan Perlindungan Sinaran Malaysia Dr Zulkifli Mohamad Hashim (tiga kiri). — Gambar Chimon Upon

industri berkaitan sekiranya diperlukan dan terdapat berlaku kecemasan.

Selain Bintulu, katanya pejabat cawangan lain adalah di Pulau Pinang, Johor, Kuala Lumpur, Kemaman (Terengganu) dan Labuan (Sabah).

"Di Sarawak kita mempunyai pejabat cawangan di Bintulu, di mana kawasan ini banyak industri yang melibatkan teknologi nuklear terutama dalam industri minyak dan gas," katanya.

Katanya meskipun sehingga kini tidak terdapat kes penyalahgunaan teknologi tenaga nuklear dalam kala-

ngan industri, ia tidak menjadikan pihaknya terus berasa selesa dengan situasi itu.

Sebaliknya mereka mempergiatkan lagi pemantauan dan penguatkuasaan dengan bantuan polis serta agensi berkaitan lain, mengenai aktiviti penggunaan teknologi tenaga nuklear dalam kalangan industri.

"Dari segi sumber tenaga manusia untuk melakukan penguatkuasaan peraturan pula, pada saya ia masih mencukupi setakat ini dengan melihat kepada penggunaan bahan radioaktif di Malaysia.

"Buat masa ini hanya ada lebih kurang 10,000 unit bahan radioaktif terdapat di kilang termasuk yang digunakan untuk tujuan ujian dan sebagainya, tetapi masih terkawal," katanya.

Di samping melakukan pemeriksaan rutin, lembaga pelesenan juga akan mengadakan pemeriksaan mengejut sekiranya terdapat maklumat atau laporan terutama aktiviti berisiko tinggi penggunaan bahan radioaktif.

Sementara itu, Ketua Pengarah Agensi Nuklear Malaysia Dr Mohd Abdul Wahab Yusof pada sidang media berkata, dasar kerajaan adalah sangat jelas di mana ia tidak akan menggunakan tenaga nuklear untuk menajana kuasa.

"Namun penggunaan teknologi nuklear dalam industri, perubatan, pertanian dan pendidikan akan kita teruskan kerana banyak kebaikan kita perolehi daripada teknologi ini," katanya.

Terdahulu dalam ucapannya Abdul Wahab berkata, persidangan yang bertemakan 'Safety, Security and Safeguard' itu, merupakan platform terbaik golongan profesional yang mana pekerjaan mereka melibatkan teknologi sinaran.

Katanya ia untuk memperluas dan berkongsi maklumat terkini berkaitan amalan sinaran yang bertepatan dengan standard keselamatan dan peraturan negara.

Malaysia patut fokus ngagai teknologi kuasa baru

Menua enda patut bepanggai ba siti kuasa dikena ngeluarka kuasa laban mayuh ke bukai tau nyadi alternatif

KUCHING: Malaysia patut beratika baru polisi kuasa di menua tu lalu fokus ngagai teknologi kuasa baru dikena nyingkang jauh ke mua.

Kepala Menteri Datuk Patinggi Abang Johari Tun Openg madah, menua enda patut bepanggai ba siti kuasa dikena ngeluarka kuasa nyengkaum nuklear laban mayuh jalai pemansut bukai ke nyadi alternatif.

"Nya kebuah kitai di Sarawak, kitai fokus ngagai teknologi kuasa tau dikena baru lebu kitai nyingkang ke mua laban nya nadai bekaul enggau radiasyen enggau ke bukai."

"Tambah mega nengeri kitai mayuh ai nyengkaum semua tekad hidroelektrik ke alai tiga ari nya ke beroperasi baka Batang Ai, Bakun enggau Murum lalu ke dudi tu ila iya nya Baleh," ku iya bejaku lebu bejadi 'Persidangan dan Bengkel Perlindungan Sinaran 2019' ti diatur Ejen Nuklear Ma-

"Nya kebuah kitai di Sarawak, kitai fokus ngagai teknologi kuasa tau dikena baru lebu kitai nyingkang ke mua laban nya nadai bekaul enggau radiasyen enggau ke bukai."

Datuk Patinggi Abang Johari Tun Openg
Bapa Menteri

laysia enggau Persatuan Perlindungan Sinaran Malaysia (MARPA) ditu kemari.

Ku Abang Johari, Sarawak ngeksport kuasa elektrik ke Kalimantan lalu ba awak ke sama nyukung bekal ke Sabah enggau Brunei.

Ku iya baru, nengah chara nya Sarawak jemah ila deka nyadi pemekal kuasa nengah hidroelektrik ngagai menua luar.

"Tu mih komiten kami kelebih agi Sarawak enggau Malaysia nyadi nengeri tauka menua ti beresi ari sukut rampa menua," ku iya nyemetak.

Berebak enggau nya, iya nesau pakar dalam bidang teknologi atom tauka nuklear ti deka diguna amat ngambika ulih meri pengandal ngagai mensia mayuh sentas emas kelebih agi dalam beberapa sektor.

Ku iya, antara tiga sektor ti suah dikaitka enggau radiasyen tauka panchar ari kuasa teknologi nuklear nyengkaum telekomunikasyon, servis enggau kilang.

"Dalam perkara tu, kitai beguna pakar nuklear nerangka sentang emas ari semua teknologi nuklear



DATAI BEJADI: Abang Johari disempulung Mohd Wahab (kiba) lebu ke ngulu enggau bejadi 'Bengkel Perlindungan Sinaran 2019'. — Gambar Chinnon Upin

dalam sekeda sektor nya lalu semina pakar ke nemu aji ulih meri perambu tauka nerang sentang emas ari radioaktif ti datai ari nuklear ke dikena," ku iya.

Tambah Abang Johari, ambika chunto dalam sektor telekomunikasyon, nya tentu bekaul enggau ngaga tauka nirika tiang ba sekeda kan dang endur dikena

ngemanahka komunikasyon nyengkaum di Sarawak.

Taja pia ku iya, laban pengawanya mega beguna fiber optik enggau ke bukai, tebal agi mensia mayuh irau

ari pasal emas ari nya.

Ku iya nerang, bisi peragam ari mensia mayuh nya deka meri emas ti enda manah ari sukut panchar kuasa ba kandang endur enggau genturung pendiau ke endur nirika tiang telekomunikasyon nya.

"Ketegal nya, kitai amat beguna bantu kelebih agi ari pakar teknologi nuklear ngambika muntu meri pencerang ngagai sida," ku iya.

Iya meri terima kasih kngagai raban pengatur laban milih Kuching enggau Sarawak alai ngatur aum nya.

Ku iya, nya deka meri mayuh pemadiah tauka pencerang sentang teknologi nya kelebih agi ngagai mensia mayuh di nengeri tu.

Sama bisi datai Ketua Direktor Ejen Nuklear Malaysia, Dr Mohd Wahab Yusof, Ketua Direktor Kaunsel Meri Lisin Kuasa Atom (AELB) enggau Presiden MARPA, Dr Zulkifli Mohamad Hashim.

BANGUNKAN TENAGA BOLEH
DIPERBAHARUI


BANGUNKAN TENAGA BOLEH DIPERBAHARUI

TENAGA boleh diperbaharui seperti hidrogen mempunyai impak yang minima terhadap alam sekitar selain dapat dijadikan sebagai sumber ekonomi.

"Disebabkan inilah, Sarawak kini sedang memberi penekanan terhadap pembangunan tenaga boleh diperbaharui dan sedang beralih kepada ekonomi hidrogen." - Abang Jo

Laporan
di halaman
4

Bangunkan tenaga boleh diperbaharui

SHILA ZADI

KUCHING: Kerajaan Malaysia digesa untuk mengkaji semula dasar tenaga boleh diperbaharui supaya sumber tenaga ini dapat membuka lebih peluang ekonomi baharu kepada negara.

Ketua Menteri Datuk Patinggi Abang Johari Tun Openg berkata, tenaga boleh diperbaharui seperti hidrogen mempunyai impak yang minima terhadap alam sekitar selain dapat dijadikan sebagai sumber ekonomi.

"Negara tidak boleh terlalu bergantung kepada sumber bahan api fosil kerana sumber ini akan berkurangan dan pada masa yang sama memberi impak yang agak besar kepada alam sekitar."

"Disebabkan inilah, Sarawak kini sedang memberi penekanan terhadap pembangunan tenaga boleh diperbaharui dan sedang beralih kepada ekonomi hidrogen," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Persidangan dan Bengkel Perlindungan Sinaran 2019 anjuran Agensi Nuklear Malaysia dan Persatuan Perlindungan Sinaran Malaysia (MARPA) yang diadakan di sebuah hotel semalam.

Menurut Abang Johari, Sarawak kini mempunyai loji yang menghasilkan hidrogen melalui proses elektro-kimia yang dikenali sebagai elektrolisis.

Hasil daripada pembangunan loji ini, Sarawak kini mempunyai tiga buah bas yang sedang beroperasi menggunakan tenaga hidrogen, katanya.

Justeru, melihat kepada potensi sumber ini untuk dibangunkan, katanya, Kerajaan Sarawak komited untuk terus mengembangkan sumber tenaga ini dalam aspek ekonomi.

Tambah Abang Johari, Sarawak mempunyai tiga buah empangan yang sedang berfungsi sepenuhnya iaitu empangan Batang Ai, Bakun dan Murum sementara empangan Baleh masih dalam proses pembinaan.

Katanya, air dari empangan ini juga digunakan untuk menghasilkan hidrogen selain daripada menjadi sumber kuasa elektrik.

Keempat-empat empangan ini mampu menghasilkan sejumlah 22,000 megawatt kuasa elektrik hingga dapat dieksport ke Kalimantan, Sabah dan juga Brunei sekali gus menjadi salah satu sumber pendapatan untuk negeri ini.

Bercakap mengenai radiasi pula, Abang Johari menyuarakan keprihatinan masyarakat dalam bidang teknologi atom atau nuklear tempil untuk memberi keyakinan kepada masyarakat mengenai kesan perlindungan radiasi atau sinaran terutamanya dalam beberapa sektor.

"Umum mengetahui bahawa kesan penggunaan teknologi nuklear yang dilaksanakan pada



DIRASMIKAN... Ketua Menteri, Datuk Patinggi Abang Johari Tun Openg bersama Ketua Pengarah, Agensi Nuklear Malaysia, Dr. Mohd Abdul Wahab Yusof, meletakkan tapak tangan pada paparan skrin, sebagai merasmikan Persidangan Perlindungan Radiasi dan Bengkel Radiasi 2019, di salah sebuah hotel terkemuka di Kuching, semalam. Turut kelihatan Presiden Persatuan Perlindungan Sinaran Malaysia (MARPA), Dr. Zulkifli Mohamad Hashim. • Foto AWANG KUSHAIRY JUNAIDI

kebiasaannya bukan sahaja mendatangkan kebaikan tetapi juga keburukan.

"Justeru, kita memerlukan pakar dalam bidang nuklear untuk memberi penerangan tentang kesan radioaktif hasil daripada penggunaan teknologi nuklear dalam sektor-sektor seperti telekomunikasi, perkhidmatan dan pengi-

langan," katanya.

Abang Johari turut merakamkan ucapan penghargaan kepada pihak penganjur kerana memilih Sarawak sebagai lokasi pengantaraan persidangan mengenai perlindungan radiasi atau sinaran kali ini.

Katanya, secara tidak langsung persidangan ini akan memberi

banyak maklumat mengenai teknologi tersebut terutamanya kepada masyarakat di negeri ini.

Turut hadir, Ketua Pengarah Agensi Nuklear Malaysia, Dr. Mohd. Wahab Yusof dan Ketua Pengarah Lembaga Pelesenan Tenaga Atom (AELB) dan Presiden MARPA, Dr. Zulkifli Mohamad Hashim.



Online Media

Content : Online Media

DATE	ARTICLE	NEWSPAPER	PAGE
14 JUNE 2019	M'SIAN NUCLEAR AGENCY TO WORK WITH S'WAK AUTHORITIES TO MONITOR TELCO TOWER RF EMISSIONS	THE STAR ONLINE	14 -15
14 JUNE 2019	RADIASI RF SELAMAT DAN TIDAK MEMBAHAYAKAN KESIHATAN	UTUSAN BORNEO ONLINE	16 -17
14 JUNE 2019	LEMBAGA MULTIMEDIA SARAWAK, AGENSI NUKLEAR MALAYSIA METERAI MOU BANGUNKAN TELEKOMUNIKASI	BERNAMA.COM	18
14 JUNE 2019	GELOMBANG RADIO DI SARAWAK DI TAHAP SELAMAT	SARAWAKVOICE.COM	19
15 JUNE 2019	LEMBAGA MULTIMEDIA SARAWAK, AGENSI NUKLEAR MALAYSIA METERAI MOU BANGUNKAN TELEKOMUNIKASI	SAYANGSARAWAK.MY	20
15 JUNE 2019	MOU UNTUK KAWAL SELIA RADIASI TELEKOMUNIKASI DIMETERAI	UTUSAN BORNEO ONLINE	21- 22
15 JUNE 2019	MNA TO SURVEY SAFETY OF TELCO TOWERS	BORNEO POST ONLINE	23-24
18 JULY 2019	SINARAN PEMANCAR TELEKOMUNIKASI, RADIO TERKAWAL	BH ONLINE	25-26
03 AUGUST 2019	NEGERI SEMBILAN RANCANG TUBUHKAN PUSAT SAINS	BERNAMA.COM	27
03 AUGUST 2019	NEGERI SEMBILAN GOVT MULLS SETTING UP STATE SCIENCE CENTRE	THE SUN DAILY	28-29
04 AUGUST 2019	NEGERI SEMBILAN KOMITED KURANGKAN PENGGUNAAN PLASTIK	NEGERISEMBILAN.ORG	30-31
10 SEPTEMBER 2019	PESAWAH DISARAN GABUNG SAWAH UNTUK JANA LEBIH PENDAPATAN	MY NEWSHUB	32-33
10 SEPTEMBER 2019	TANAM PADI SKALA BESAR, KERAJAAN PERTIMBANG PANDANGAN PAKAR PERLADANGAN	UTUSAN BORNEO ONLINE	34-35
10 SEPTEMBER 2019	KERAJAAN PERTIMBANG TANAM PADI SKALA BESAR	ASTRO AWANI	36
02 OCTOBER 2019	AGENSI NUKLEAR KAJI KESAN TEKNOLOGI 5G PADA MANUSIA	SELANGOR KINI	37-38
02 OCTOBER 2019	MALAYSIAN NUCLEAR AGENCY TO CONDUCT COMPREHENSIVE 5G TECH STUDY	MALAYMAIL	39
02 OCTOBER 2019	TEKNOLOGI 5G TIDAK JEJASKAN ISU KESELAMATAN, KESIHATAN – DR. MOHD	MALAYSIAAKTIF	40-41
02 OCTOBER 2019	BERSEDIA TANGANI ISU KESELAMATAN 5G	UTUSAN ONLINE	42
03 OCTOBER 2019	KAJIAN MENYELURUH TEKNOLOGI 5G AKAN DILAKSANAKAN	UTUSAN BORNEO ONLINE	43
03 OCTOBER 2019	KKMM BERI PENEKANAN ASPEK KESELAMATAN TEKNOLOGI 5G	ONE NEWS	44
03 OCTOBER 2019	MALAYSIAN NUCLEAR AGENCY TO CONDUCT COMPREHENSIVE 5G TECH STUDY	THE SUN DAILY	45
14 OCTOBER 2019	FIVE INNOVATIONS WIN RM250,000 SELANGOR RESEARCH GRANTS	THE SUN DAILY	46

16 October 2019	HIGHLIGHTING THE PSYCHOLOGICAL IMPACT OF SMARTPHONES ON STUDENTS AT THE 9TH INTERNATIONAL CONFERENCE ON NON-IONIZING RADIATION (ICNIR 2019)	UTM NEWSHUB	47-48
06 November 2019	TELCO TOWERS NOT HARMFUL TO HEALTH, SAYS MCMC	NEW STRAITS TIMES ONLINE	49-50
06 November 2019	MINISTRY OF EDUCATION LAUNCHES VIRTUAL REALITY MEDIA LIBRARY	TIMES OF OMAN	51-52
11 November 2019	KHUATIR RADIOAKTIF DICURI UNTUK BUAT BOM KOTOR	HARIAN METRO ONLINE	53
11 November 2019	THEFT, LOSS OF RADIOACTIVE SUBSTANCES MORE COMMON THAN EXPOSURE CASES: NUCLEAR AGENCY	THE SUN DAILY	54
11 November 2019	INSIDEN KEHILANGAN, KECURIAN BAHAN RADIOAKTIF LEBIH DILAPORKAN	BERNAMA	55
23 November 2019	MALAYSIA READY FOR 5G DEPLOYMENT	OPEN GOV	56-57
26 November 2019	CM: MALAYSIA CANNOT BE TOO DEPENDENT ON FOSSIL FUELS, RENEWABLE ENERGY IS THE WAY FORWARD	THE BORNEO POST	58-59
26 November 2019	PAKAR NUKLEAR DIPELAWA BANTU BERI PENERANGAN TENTANG PERLINDUNGAN SINARAN	UTUSAN BORNEO ONLINE	60-61
26 November 2019	RENEWABLE, GREEN ENERGY BETTER OPTION FOR SARAWAK THAN NUCLEAR POWER, SAYS CM	DAYAK DAILY	62-63
27 November 2019	ABANG JOHARI: SARAWAK PERLU PAKAR NUKLEAR	SARAWAK VOICE	64
12 Disember 2019	KULIM PERKUKUH KERJASAMA DENGAN MPOB, NUKLEAR MALAYSIA UNTUK TERUS BERDAYA SAING DALAM PASARAN	JOHORKINI.MY	65-66
12 Disember 2019	KULIM METERAI MOA DENGAN MPOB	BERNAMA.COM	67-68

*M'SIAN NUCLEAR AGENCY TO WORK WITH S'WAK
AUTHORITIES TO MONITOR TELCO TOWER RF EMISSIONS*



Dr Mohd Abd Wahab showing an example of a radio frequency certificate. - ZULAZHAR SHEBLEE / THE STAR

KUCHING: The Sarawak Multimedia Authority (SMA) will work with the Malaysian Nuclear Agency to monitor radio-frequency (RF) radiation from telecommunication towers to ensure that it remains within safe exposure limits.

Both parties signed a memorandum of understanding (MOU) on the cooperation at Wisma Bapa Malaysia here on Friday (June 14).

"The cooperation involves the people's well-being as well as giving accurate information to the public so that the telecommunications industry in the state can run smoothly," SMA general manager Dr Zaidi Razak said.

He said SMA would develop a policy and work with the Malaysian Nuclear Agency to monitor the RF emissions from the towers.

There are about 2,600 telco towers in Sarawak.

The agency's director-general Dr Mohd Abd Wahab Yusof said it would provide assistance to SMA in terms of public education and RF measurement.

"For example, we will measure the RF radiation at a telco tower. Then we will issue a certificate with a QR code on it which can be scanned by the public to get the RF reading of the tower.

"We will also assist the state government and SMA to provide information to the public so that they understand about RF and its related safety issues," he said.

According to Wahab, there has been no conclusive evidence that RF radiation caused cancer or was unsafe based on more than 10 years of research worldwide.

He also said none of the towers in Malaysia exceeded the exposure limit set by the Malaysian Communications and Multimedia Commission.

Link : <https://www.thestar.com.my/news/nation/2019/06/14/msian-nuclear-agency-to-work-with-swak-authorities-to-monitor-telco-tower-rf-emissions>

RADIASI RF SELAMAT DAN TIDAK MEMBAHAYAKAN KESIHATAN



Mohd Abd Wahab (kiri) menunjukkan cara mengimbas kod QR pada sijil pengesahan oleh Agensi Nuklear Malaysia yang dilekatkan pada setiap menara telekomunikasi. Turut kelihatan Zaidi.

KUCHING: Radiasi frekuensi radio (RF) yang dihasilkan dari menara pemancar telekomunikasi adalah selamat dan tidak membahayakan kesihatan.

Ketua Pengarah Agensi Nuklear Malaysia, Dr Mohd Abd Wahab Yusof berkata sehingga kini, tiada bukti kukuh yang menyatakan bahawa radiasi RF ini boleh menyebabkan kanser.

"Banyak penyelidikan dan sebagainya telah dibuat oleh dunia selama 10 tahun ini berhubung radiasi RF ini serta kesannya kepada masyarakat.

"Tetapi tidak ada bukti kukuh bahawa ia adalah tidak selamat kepada masyarakat terutama yang tinggal berdekatan dengan struktur menara pemancar telekomunikasi ini.

"Walau bagaimanapun kita ada had-had yang dibenarkan serta garis panduan yang ditetapkan supaya radiasi RF ini lebih selamat iaitu tidak melebihi 1,000 mikrowatt sentimeter persegi," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas kunjungan hormat kepada Ketua Menteri Datuk Patinggi Abang Johari Tun Openg di Pejabat Ketua Menteri, Tingkat 22, Wisma Bapa Malaysia di sini hari ini serta Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Lembaga Multimedia Sarawak (SMA).

Bercakap mengenai MoU tersebut ia menurut Mohd Abd Wahab merupakan kerjasama dalam membantu SMA mengawal selia radiasi dan memastikan RF yang digunakan di Sarawak adalah selamat untuk orang awam.

Memorandum ini katanya adalah yang kedua dilaksanakan oleh agensi selepas MoU pertama ditandatangani dengan Kerajaan Melaka.

Sementara itu, Pengurus Besar SMA Dr Zaidi Razak berkata selain menyelia radiasi RF di Sarawak, Agensi Nuklear Malaysia juga membantu dalam memberi informasi yang tepat kepada rakyat supaya industri telekomunikasi di Sarawak dapat berjalan dengan lancar.

SMA dalam pada itu katanya akan membangunkan polisi dalam mengawal selia semua peralatan yang pada menara telekomunikasi.

Keseluruhan menara telekomunikasi di Sarawak dibawah kawal selia SMA ialah 2,600 buah menara.

Link : <https://www.utusanborneo.com.my/2019/06/14/radiasi-rf-selamat-dan-tidak-membahayakan-kesihatan>

*LEMBAGA MULTIMEDIA SARAWAK, AGENSI NUKLEAR
MALAYSIA METERAI MOU BANGUNKAN TELEKOMUNIKASI*

KUCHING. 14 Jun (Bernama) -- Lembaga Multimedia Sarawak (SMA) dan Agensi Nuklear Malaysia (ANM) hari ini memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) dalam mengawal selia radiasi telekomunikasi di Sarawak.

Ketua Pengarah ANM, Dr Mohd Abd Wahab Yusof berkata ANM akan membantu SMA dalam memastikan setiap menara komunikasi di negeri ini selamat dan mempunyai sijil.

"Keduanya, kita akan membuat pengukuran dari segi Gelombang Radio (Radio Frequency/RF) yang digunakan di setiap menara adalah selamat.

"Selain itu, ANM juga akan turut membantu memberikan maklumat kepada rakyat tentang keselamatan RF," katanya pada sidang media selepas mengadakan kunjungan hormat kepada Ketua Menteri Datuk Patinggi Abang Johari Tun Openg di Wisma Bapa Malaysia di sini, hari ini.

Jelas beliau, setiap menara telekomunikasi di Malaysia mempunyai had frekuensi yang telah ditetapkan.

"Dalam hal ini, ANM berperanan untuk memantau tahap frekuensi menara telekomunikasi yang ada di Sarawak dan mengeluarkan sijil. Setiap sijil mempunyai kod QR yang membolehkan orang ramai menyemak maklumat dan status menara tersebut," katanya.

Pengurus Besar SMA Dr Zaidi Razak berkata dengan MOU tersebut, komunikasi di negeri ini akan berjalan dengan lancar di samping dapat memberikan maklumat yang tepat untuk rakyat.

Katanya, setakat ini terdapat 2,600 menara telekomunikasi di seluruh Sarawak dan SMA merupakan sebuah badan yang ditubuhkan menurut Seksyen 3 Ordinan Pihak Berkuasa Multimedia Sarawak 2017 dengan matlamat untuk menerajui, mengawasi dan memudahkan pembangunan dan pelaksanaan komunikasi, multimedia dan Inisiatif Ekonomi Digital Sarawak.

Link : <http://www.bernama.com/state-news/beritabm.php?id=1735258>

GELOMBANG RADIO DI SARAWAK DI TAHAP SELAMAT

KUCHING: Penggunaan gelombang radio (Radio Frequency) di Sarawak masih di tahap selamat dalam menyalurkan maklumat yang tepat untuk masyarakat setempat dengan kerjasama Sarawak Multimedia Authority (SMA).

Ketua Pengarah Agensi Nuklear Malaysia, Dr Mohd Abdul Wahab Yusof berkata, kerjasama antara Sarawak Multimedia Authority (SMA) dalam membantu masyarakat terutamanya Kerajaan Sarawak dalam menyediakan kesejahteraan kepada rakyat melalui penggunaan alat komunikasi dalam kehidupan masyarakat setempat.

Jelasnya, SMA telah menyediakan satu polisi baharu yang memudahkan orang awam mendapat maklumat keselamatan mengenai menara komunikasi itu selamat digunakan adalah dengan mengambil gambar di QR Code yang dipaparkan sebagai siji di tiang menara itu.



Beliau berkata demikian semasa ditemui pemberita dalam sidang media bersama Sarawak Multimedia Authority (SMA) hari ini, di Kuching.

Ujarnya, terdapat 2,600 menara komunikasi di Sarawak dibawah seliaan SMA dan belum ada kenyataan penyelidikan yang mengatakan bahawa gelombang radio yang digunakan di setiap menara adalah tidak selamat.

Walaubagaimanapun, katanya, had penggunaan yang telah ditetapkan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) adalah 1,000kffz namun setakat ini Sarawak belum mencapai had yang telah ditetapkan berpandu dengan polisi yang telah disediakan yang dapat membantu masyarakat.

*LEMBAGA MULTIMEDIA SARAWAK, AGENSI NUKLEAR
MALAYSIA METERAI MOU BANGUNKAN TELEKOMUNIKASI*



Lembaga Multimedia Sarawak (SMA) dan Agensi Nuklear Malaysia (ANM) hari ini memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) dalam mengawal selia radiasi telekomunikasi di Sarawak.

Ketua Pengarah ANM, Dr Mohd Abd Wahab Yusof berkata ANM akan membantu SMA dalam memastikan setiap menara komunikasi di negeri ini selamat dan mempunyai sijil.

"Keduanya, kita akan membuat pengukuran dari segi Gelombang Radio (Radio Frequency/RF) yang digunakan di setiap menara adalah selamat.

"Selain itu, ANM juga akan turut membantu memberikan maklumat kepada rakyat tentang keselamatan RF," katanya pada sidang media selepas mengadakan kunjungan hormat kepada Ketua Menteri Datuk Patinggi Abang Johari Tun Openg di Wisma Bapa Malaysia di Kuching, pada Jumaat.

Jelas beliau, setiap menara telekomunikasi di Malaysia mempunyai had frekuensi yang telah ditetapkan.

"Dalam hal ini, ANM berperanan untuk memantau tahap frekuensi menara telekomunikasi yang ada di Sarawak dan mengeluarkan sijil. Setiap sijil mempunyai kod QR yang membolehkan orang ramai menyemak maklumat dan status menara tersebut," katanya.

Pengurus Besar SMA Dr Zaidi Razak berkata dengan MOU tersebut, komunikasi di negeri ini akan berjalan dengan lancar di samping dapat memberikan maklumat yang tepat untuk rakyat.

Katanya, setakat ini terdapat 2,600 menara telekomunikasi di seluruh Sarawak dan SMA merupakan sebuah badan yang ditubuhkan menurut Seksyen 3 Ordinan Pihak Berkuasa Multimedia Sarawak 2017 dengan matlamat untuk menerajui, mengawasi dan memudahkan pembangunan dan pelaksanaan komunikasi, multimedia dan Inisiatif Ekonomi Digital Sarawak.

Link : <https://www.sayangsarawak.my/lembaga-multimedia-sarawak-agensi-nuklear-malaysia-meterai-mou-bangunkan-telekomunikasi-di-sarawak/>

MOU UNTUK KAWAL SELIA RADIASI TELEKOMUNIKASI DIMETERAI



KERJASAMA: Mohd Abd Wahab (empat kiri) bertukar-tukar dokumen dengan Zaidi disaksikan Abang Johari (tengah) serta wakil dari SMA dan Agensi Nuklear Malaysia yang lain di Wisma Bapa Malaysia, Kuching semalam. — Gambar Chimon Upon

KUCHING: Lembaga Multimedia Sarawak (SMA) menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Agensi Nuklear Malaysia untuk mengawal selia radiasi telekomunikasi di negeri ini.

Ketua Pengarah Agensi Nuklear Malaysia Dr Mohd Abd Wahab Yusof berkata, MoU itu merupakan yang kedua dilaksanakan selepas MoU pertama dengan kerajaan Melaka.

“Nuklear Malaysia sebenarnya adalah institusi penyelidikan dan organisasi sokongan teknikal yang bertujuan membantu SMA untuk memastikan frekuensi radio (RF) yang digunakan di Sarawak adalah selamat kepada orang awam.

“Jadi dalam hal ini, kita akan membantu SMA dan kerajaan Sarawak dalam penyelidikan dan pengukuran RF serta memberi maklumat kepada orang awam agar memahami apa itu RF,” ujarnya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas MoU tersebut serta kunjungan hormat ke atas Ketua Menteri Datuk Patinggi Abang Johari Tun Openg di Wisma Bapa Malaysia di sini, semalam.

Mohd Abd Wahab dalam pada itu berharap pihaknya akan dapat membantu kerajaan Sarawak terutamanya SMA dalam hal-hal berkaitan RF serta masalah-masalah yang dihadapi di negeri ini.

"Kita tahu ada demonstrasi dibuat di Sarawak mengenai RF ini susulan kebimbangan orang awam mengenai kesan-kesan bahaya radiasi RF yang dihasilkan dari menara telekomunikasi.

"Tetapi setakat ini, tidak ada kenyataan atau bukti kukuh yang menyatakan bahawa RF boleh menyebabkan kanser atau tidak selamat.

"Banyak penyelidikan telah dibuat oleh dunia selama 10 tahun ini dan tidak ada bukti kukuh bahawa ia tidak selamat.

"Bagaimanapun, kita ada had-had yang dibenarkan serta garis panduan yang ditetapkan iaitu tidak melebihi 1,000 mikrowatt senti-meter persegi supaya ia lebih selamat," ujarnya.

Sementara itu, Pengurus Besar SMA Dr Zaidi Razak berkata, selain menyelia radiasi RF di Sarawak, Agensi Nuklear Malaysia juga membantu dalam memberi informasi yang tepat kepada rakyat supaya industri telekomunikasi di Sarawak dapat berjalan dengan lancar.

SMA katanya, akan membangunkan polisi dalam mengawal selia semua peralatan yang ada pada menara telekomunikasi.

Jumlah keseluruhan menara telekomunikasi di Sarawak di bawah kawal selia SMA ialah sebanyak 2,600.

Link : <https://www.utusanborneo.com.my/2019/06/15/mou-untuk-kawal-selia-radiasi-telekomunikasi-dimeterai>

MNA TO SURVEY SAFETY OF TELCO TOWERS



Abdul Wahab (fourth left) and Zaidi exchange documents witnessed by Abang Johari (centre). — Photo by Chimon Upon

KUCHING: The Malaysian Nuclear Agency (MNA) will research, survey, and monitor telecommunications towers across Sarawak to certify they are safe.

MNA director-general Dr Mohd Abdul Wahab Yusof said once completed, AREFCerts (Assessment of Radio Frequency and Certification) would be issued for every telecommunications tower in Sarawak.

"There is a QR code on the AREFCert, which people can scan using their mobile devices that shows them the certificate we issued on the telecommunications tower, even with the photo of the tower," he told a press conference after exchanging memorandum of understanding (MoU) documents with the Sarawak Multimedia Authority (SMA) yesterday.

Sarawak is the second state after Melaka to obtain technical support from MNA.

Abdul Wahab explained MNA would assist SMA to ensure that the radiofrequency (RF) used in Sarawak "is safe for all".

"We are also providing information and explanation to the general public so that they can understand that RF used in telecommunications is safe.

"We hope to help the Sarawak government especially SMA to carry out research and survey activities related to RF. We will help to enhance public acceptance of RF," he said.

Abdul Wahab pointed out there is no conclusive evidence to indicate that RF can cause cancer or that it is unsafe.

He said there are different levels of frequencies and the frequency for RF is low and neither radioactive nor hazardous.

"For as long as the RF level does not exceed the limit, it is safe," he said, adding that the limit had been set at 1,000 microwatts per square centimetre.

SMA general manager Dr Zaidi Razak said there are presently 2,600 telecommunication towers throughout Sarawak, all of which come under SMA's jurisdiction.

So far about 40 of the towers have already been issued with AREFcerts.

"We are assisting MCMC (Malaysian Communications and Multimedia Commission)," he added.

Chief Minister Datuk Patinggi Abang Johari Tun Openg witnessed the exchange of MoU documents.

Link : <https://www.theborneopost.com/2019/06/15/mna-to-survey-safety-of-telco-towers/>

SINARAN PEMANCAR TELEKOMUNIKASI, RADIO TERKAWAL



MENTERI Komunikasi dan Multimedia, Gobind Singh Deo. - Foto Zulfadhli Zulkifli

KUALA LUMPUR: Kajian mendapati kadar pancaran Medan Elektromagnet Frekuensi Radio (RF-EMF) dari menara telekomunikasi di negara ini adalah di bawah had disyorkan.

Menteri Komunikasi dan Multimedia, Gobind Singh Deo, berkata kadar itu selari garis panduan ditetapkan International Commission On Non-ionizing Radiation Protection (ICNIRP) dan standard mandatori untuk pancaran medan elektromagnet daripada infrastruktur komunikasi radio.

Katanya, teknologi komunikasi mudah alih menggunakan frekuensi radio dan tergolong dalam kategori sinaran bukan mengion (NIR) tidak mempunyai tenaga mencukupi untuk memecahkan atau mengganggu struktur molekul dan sel tubuh manusia.

“Pendedahan berterusan terhadap NIR hanya boleh menyebabkan kesan pemanasan dan tidak cukup untuk mengakibatkan kerosakan jangka panjang pada tisu badan manusia.

“Frekuensi radio juga mempunyai tenaga 1,000 kali lebih rendah berbanding tenaga matahari, walaupun kedua-duanya dalam kategori NIR.

18 JULY 2019

"Sinaran X mempunyai tenaga 1,000 kali ganda lebih tinggi tenaga sinaran dibandingkan sinaran matahari.

"Sinaran X yang dikategorikan sinaran mengion mempunyai tenaga mencukupi untuk mengakibatkan kerosakan jangka panjang pada tisu badan manusia," katanya pada Waktu Pertanyaan Menteri (MQT) di Dewan Rakyat, di sini, hari ini.

Beliau menjawab soalan Datuk Seri Fadillah Yusof (GPS-Petra Jaya) mengenai kebarangkalian wujud ancaman terhadap kesihatan atau keselamatan dari menara telekomunikasi dan radiasi pemancar jika ia berdekatan kawasan perumahan.

Gobind berkata, ujian tahap pancaran frekuensi radio (RF) kendalian Agensi Nuklear Malaysia (ANM) di seluruh negara mendapati radiasi di kawasan sekitar pemancar adalah amat rendah dan berada pada tahap selamat iaitu kurang daripada dua peratus.

"Kadar pancaran RF ini mematuhi Standard Mandatori bagi EMF dari Struktur Komunikasi Radio yang ditetapkan dan tidak berupaya membawa risiko kesihatan kepada masyarakat sekitar, termasuk golongan warga tua atau kanak-kanak.

"Bagaimanapun, kementerian menerusi Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) akan terus membuat pemantauan terhadap tahap radiasi dihasilkan pemancar komunikasi di Malaysia," katanya.

Link: <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/07/>

NEGERI SEMBILAN RANCANG TUBUHKAN PUSAT SAINS



NILAI, 3 Ogos (Bernama) -- Negeri Sembilan merancang untuk membina sebuah Pusat Sains yang diharapkan dapat meningkatkan minat dan kefahaman penduduk Negeri Sembilan terhadap sains dan teknologi, selain untuk melahirkan generasi penyumbang dalam bidang tersebut (sains dan teknologi).

Menteri Besar Aminuddin Harun berkata pihaknya akan bekerjasama dengan Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC) serta Agensi Nuklear Malaysia untuk merealisasikan hasrat itu, dan di peringkat ini, kerajaan negeri sedang mencari tapak yang sesuai untuk pembinaannya.

“Saya nampak banyak faedah yang boleh dipelajari daripada Pusat Sains ini khususnya pelajar sekolah. untuk menarik mereka meminati bidang sains dan teknologi,” katanya pada sidang media selepas merasmikan Minggu Sains Negara 2019 peringkat Negeri Sembilan di sini, hari ini.

Turut hadir ialah Timbalan Ketua Setiausaha MESTECC Dr Mohd Nor Azman Hassan dan Timbalan Ketua Pengarah Program Penyelidikan dan Pembangunan Teknologi Agensi Nuklear Malaysia Dr Zulkifli Mohamed Hashim.

Sementara itu Aminuddin berkata kerajaan negeri juga merancang untuk mengadakan kempen secara besar-besaran melaksanakan pengasingan sisa pepejal dari punca, dan menurutnya selama ini sebahagian besar daripada masyarakat mengambil mudah cara membuang sampah yang dihasilkan di rumah masing-masing.

“Kerajaan negeri akan bekerjasama dengan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam (SWCorp), SWM Environment Sdn Bhd, Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Pengairan dan Saliran, Pihak Berkuasa Tempatan untuk menjayakan kempen tersebut,” katanya.

-- BERNAMA

Link : <http://www.bernama.com/state-news/beritabm.php?id=1753395>

NEGERI SEMBILAN GOVT MULLS SETTING UP STATE SCIENCE CENTRE



Mentri Besar Aminuddin Harun speaking at a press conference in Seremban

NILAI: The Negeri Sembilan government plans to build a science centre to enhance the interest and understanding of the people in the state towards science and technology, as well as to produce a generation of contributors in the related fields.

Mentri Besar Aminuddin Harun said the state government would work with the Ministry of Energy, Science, Technology, Environment and Climate Change (Mestecc) as well as the Malaysian Nuclear Agency to realise that aspiration.

"I see a lot of benefits can be obtained from this science centre especially among students to inculcate interest in science and technology," he told a press conference after officiating the state-level Science Week 2019 here today.

Also present were Mestecc deputy secretary-general Dr Mohd Nor Azman Hassan and Malaysian Nuclear Agency deputy director-general (research and technology development) Datuk Dr Zulkifli Mohamed Hashim.

He said at this stage, the state government was looking for a suitable site for the construction of the centre.

He said the Mestecc and the Malaysian Nuclear Agency have agreed to help the state government to develop the state's science centre.

"It may not be similar to the National Science Centre in Kuala Lumpur, but we are confident that if there is such centre in Negeri Sembilan, it will attract more science and technology enthusiasts in the state," he said.

Meanwhile, the state government was also planning to hold a massive campaign to implement solid waste

separation at source as most of the people in the state had taken the easy way out in removing waste generated in their homes.

"Usually, all kinds of waste are put into plastic bags and they are placed outside before being collected by the garbage truck. Through this campaign we want to instill a culture of isolating their solid waste by categories such as paper, plastic, glass, cans and others.

"This step can be practiced in efforts to control the environmental pollution caused by solid waste by separating them before dumping it into the bin. This way, we hope to train the people in the state to appreciate the environment," he said.

"The state government will work with the Solid Waste Management and Public Cleansing Corporation (SWCorp), SWM Environment Sdn Bhd, Department of Environment, Department of Irrigation and Drainage as well as local authorities, to ensure the success of the campaign," he said. — *Bernama*

Link : <https://www.thesundaily.my/local/negeri-sembilan-govt-mulls-setting-up-state-science-centre-NJ1209438>

4 August 2019

NEGERI SEMBILAN KOMITED KURANGKAN PENGGUNAAN PLASTIK



NILAI: Kerajaan Negeri memandang serius terhadap setiap usaha untuk menangani masalah pencemaran yang melibatkan plastik.

Menteri Besar, YAB Dato' Seri Haji Aminuddin Harun berkata sehubungan itu, tindakan segera akan diambil demi menjaga kelestarian alam sekitar.

"Kita akan buat kempen secara besar-besaran khusus kepada penduduk di Negeri Sembilan, supaya plastik ini dapat diasingkan penggunaannya," katanya.

Menurutnya, kempen ini merupakan langkah awal yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk menyedarkan masyarakat bahawa penggunaan plastik boleh memberi impak negatif kepada manusia dan alam sekitar.

"Kita nak elakkan mereka buang (beg plastik) sesuka hati, (sebab) akan rosak alam sekitar kita," katanya pada sidang media selepas merasmikan Minggu Sains Negara Peringkat Negeri Sembilan 2019 di AEON Mall, di sini, semalam.

Dalam pada itu, Aminuddin berkata, pihaknya akan turut memaklumkan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) agar membersihkan kilang pembuatan plastik luar negara yang tidak lagi beroperasi.

Pada 10 Oktober tahun lepas, Jemaah Menteri telah meluluskan 'Malaysia's Road Map Towards Zero Single-Use Plastics, 2018-2030'.

Kempen ini disaran kepada semua warga kementerian termasuk kerajaan di peringkat negeri, untuk mengadakan kempen-kempen kesedaran mengenai pencemaran tersebut demi menjaga kesihatan mahu pun alam sekitar.

Link : <https://www.negerisembilan.org/04-ogos-2019-1>



PESAWAH DISARAN GABUNG SAWAH UNTUK JANA LEBIH PENDAPATAN



ALOR SETAR – Pesawah di negara ini disaran untuk menggabungkan sawah untuk diusahakan secara besar-besaran sebagai estet perladangan bagi menjana lebih banyak pendapatan sekaligus keluar daripada kemiskinan.

Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, industri penanaman padi perlu berubah dengan menjadikan pengurusan ladang kelapa sawit dan getah secara profesional sebagai rujukan.

Kata beliau, Kedah merupakan Jelapang Padi negara yang menyumbang sebanyak 40 peratus bekalan padi negara dan sumbangan itu perlu dikekalkan bagi menyelamatkan bekalan makanan kepada rakyat yang semakin bertambah.

"Malangnya penanam padi adalah antara rakyat yang termiskin di negara kita yang mana tanpa subsidi mereka tetap akan kekal dalam kemiskinan.

"Kenapa ini berlaku di negara yang terkenal sebagai pengeluar getah dan kelapa sawit terbesar dunia? Pada pendapat saya, ini disebabkan oleh pesawah yang mengusahakan kepingan tanah yang kecil," katanya ketika berucap pada Majlis Perasmian Konvensyen Padi Kebangsaan di sini hari ini.

Hadir sama ialah Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub dan Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Mukhriz Mahathir.

Kata beliau, keadaan itu menyebabkan hasil penanaman padi yang diperoleh tidak mencukupi untuk menampung sara hidup pesawah.

Justeru, Mahathir mencadangkan supaya penanaman padi dibuat secara besar-besaran seperti diamalkan industri getah dan kelapa sawit.

"Ini boleh diadakan jika pemilik tanah yang berjiran sanggup mencantumkan tanah mereka sehingga menjadi besar, mungkin 1,000 atau 2,000 hektar dengan diuruskan oleh pengurus terlatih," ujarnya.

Selain itu, kata beliau, pesawah juga boleh mengusahakan tanaman seperti sayur di sebahagian tanah tersebut bagi menjana pulangan sepanjang tahun.

"Perubahan dan pendekatan yang dicadangkan ini adalah radikal dan mungkin sukar diusahakan oleh penanam padi biasa yang mana pekerja terlatih diperlukan.

"Pemilik tanah boleh bekerja jika masih bertenaga dan berminat yang mana upah setimpal diberikan tetapi hak mereka hendaklah mengikut keluasan tanah dalam ladang gabungan," jelasnya.

Link : <https://www.mynewshub.tv/utama-sensasi/pesawah-disaran-gabung-sawah-untuk-jana-lebh-pendapatan/>

*TANAM PADI SKALA BESAR, KERAJAAN PERTIMBANG
PANDANGAN PAKAR PERLADANGAN*



Dr Mahathir melihat anak benih padi yang menggunakan teknologi 'Bayer SeedGrowth' ketika melawat tapak pameran sempena majlis perasmian Konvensyen Padi Kebangsaan 2019 di salah sebuah hotel terkemuka hari ini. - *Gambar Bernama*

ALOR SETAR: Kerajaan sudah mendengar pandangan dari salah seorang bekas peneraju syarikat perladangan negara yang boleh menjadi rangka untuk melaksanakan program perladangan padi berskala besar.

Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamed, hari ini berkata Pengerusi Felda Tan Sri Mohd Bakke Salleh telah membentangkan cadangan berhubung percantuman tanah yang boleh diaplikasikan dalam penanaman padi secara besar-besaran.

"Dia (Mohd Bakke) biasa dengan pengurusan ladang ladang sawit dan getah dan dia telah menulis sebuah paper (kertas kerja) berkenaan dengan cara cara nak cantumkan tanah supaya jadi lebih besar tapi tidak terhad kepada padi sahaja," katanya dalam sidang akhbar selepas merasmikan Konvensyen Padi Kebangsaan di sini.

Menurutnya cadangan berkenaan boleh diaplikasikan dalam keadaan yang dihadapi oleh golongan pesawah di negara ini yang sebahagian besarnya merupakan orang Melayu, yang setiap seorangnya memiliki saiz bidang tanah yang terhad.

"Kita lihat orang Melayu banyak mempunyai dua tiga ekar tanah dan tanam kelapa sawit. Tak boleh untung. Tanam getah tak boleh untung. Dia kena cantum supaya jadi lebih besar, urus dengan cara profesional, guna secara yang terbaik baru boleh untung," katanya.

Dr Mahathir berkata cadangan percantuman tanah ini diberikan penekanan berikutan pemberian subsidi termasuk pengagihan baja secara percuma yang diamalkan selama ini masih gagal membawa golongan pesawah keluar dari kemiskinan.

"Kita boleh bagi subsidi, kita boleh bagi baja free tapi kemiskinan masih terus berlaku. Keluaran padi masih kurang berbanding dengan tempat tempat yang diurus dengan baik sebab itu kali ini kita bercadang untuk menanam padi ini dengan cara lain," katanya.

Perdana Menteri juga mahu institusi pengajian tinggi untuk menyediakan lebih banyak lagi peluang latihan pengurusan bagi memenuhi keperluan sumber manusia untuk menguruskan ladang-ladang padi ini nanti.

"Kita nak utamakan latihan pengurusan ladang yang besar dan mereka (generasi belia) boleh menjadi manager seperti mana dalam ladang-ladang kelapa sawit dan getah," katanya. - Bernama

Link : <https://www.utusanborneo.com.my/2019/09/10/tanam-padi-skala-besar-kerajaan-pertimbang-pandangan-pakar-perladangan>

KERAJAAN PERTIMBANG TANAM PADI SKALA BESAR



Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad melihat anak benih padi yang menggunakan teknologi 'Bayer SeedGrowth' ketika melawat tapak pameran sempena majlis perasmian Konvensyen Padi Kebangsaan 2019 di salah sebuah hotel terkemuka. - Foto Bernama

ALOR SETAR: Kerajaan sedang mempertimbangkan pandangan dari salah seorang bekas peneraju syarikat perladangan negara yang boleh dijadikan rangka untuk melaksanakan program perladangan padi berskala besar.

Menurut Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamed, Pengerusi Felda Tan Sri Mohd Bakke Salleh telah membentangkan cadangan berhubung percantuman tanah yang boleh dilaksanakan dalam penanaman padi secara besar-besaran.

"Saya dah cakap dengan Bakke daripada Felda. Beliau ini dahulu CEO Sime Darby dan sudah biasa dengan pengurusan ladang ladang sawit dan getah.

"Dia telah menulis sebuah paper (kajian) berkenaan dengan cara-cara hendak cantumkan tanah-tanah supaya jadi lebih besar tapi tidak terhad kepada padi sahaja," katanya pada sidang media selepas merasmikan Konvensyen Padi Kebangsaan di Alor Setar, Kedah pada Selasa.

Menurut beliau cadangan berkenaan boleh diaplikasikan dalam keadaan yang dihadapi oleh golongan pesawah di negara ini yang sebahagian besarnya merupakan orang Melayu, yang setiap seorangnya memiliki saiz bidang tanah yang terhad.

"Kita lihat orang Melayu banyak mempunyai dua tiga ekar tanah dan tanam kelapa sawit tidak boleh untung, tanam getah tak boleh untung. Dia kena cantum jadi lebih besar urus dengan cara profesional guna secara yang terbaik baru boleh untung," tambah beliau lagi.

Link : <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/kerajaan-pertimbang-tanam-padi-skala-besar-217148>

AGENSI NUKLEAR KAJI KESAN TEKNOLOGI 5G PADA MANUSIA



KUALA LUMPUR, 2 OKT: Agensi Nuklear Malaysia akan menjalankan kajian menyeluruh dan penilaian keselamatan terhadap kesan dan manfaat teknologi 5G pada orang awam.

Ketua Pengarahnya, Dr Mohd Abd Wahab Yusof berkata, kajian yang akan bermula akhir tahun ini akan dilaksanakan bersama beberapa pihak berkepentingan termasuk Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

"Kami sudah mendapatkan beberapa peralatan baharu untuk menjalankan kajian ini untuk mengukur serta melaksanakan penilaian keselamatan aras radiasi dan sebagainya.

"Sebagai institut penyelidikan awam, kami akan jalankan kajian 5G di Malaysia kerana setakat ini kita hanya menyebarkan maklumat manfaat dan kesan 5G kepada rakyat berdasarkan kajian di luar negara," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Persidangan Antarabangsa Sinaran Tidak Mengion (ICNIR) 2019 "5G Transforming Our Future" kali ke-9 di Hotel Istana, hari ini.

Persidangan dua hari itu bermula hari ini menampilkan lebih 100 penyelidik, ahli akademik dan pemain industri dari dalam dan luar negara, bertujuan memberi pendedahan mengenai aspek sinaran tidak mengion (NIR)

yang digunakan di pelbagai industri termasuk perubatan, telekomunikasi dan peralatan elektronik.

Sementara itu, Pegawai Penyelidik Agensi Nuklear Malaysia Roha Tukimin berkata, menara pemancar telekomunikasi dijangka bertambah dan semakin hampir dengan kawasan orang awam selepas 5G dilancarkan.

Jelasnya, penambahan itu disebabkan keperluan frekuensi teknologi 5G yang semakin tinggi dan meluas termasuk bagi tujuan teknologi robotik dan bandar pintar.

Bagaimanapun, katanya, pengguna tidak perlu gusar kerana teknologi 5G menggunakan frekuensi radio yang tergolong dalam kategori NIR dan tidak memberi kesan kepada kesihatan manusia.

Link : <https://selangorkini.my/2019/10/agensi-nuklear-malaysia-kaji-kesan-teknologi-5g-pada-manusia/>

MALAYSIAN NUCLEAR AGENCY TO CONDUCT COMPREHENSIVE 5G TECH STUDY



A woman uses a smartphone as she walks pass a 5G logo during the launch of the 5G Showcase in Putrajaya April 18, 2019. — Picture by Mukhriz Hazim

KUALA LUMPUR, Oct 2 — The Malaysian Nuclear Agency (Nuclear Malaysia) will conduct a thorough study together with stakeholders — the Ministry of Health included — on the impact and benefits of 5G technology on people, beginning the end of the year.

“We’ve got some new equipment to measure and assess radiation level safety and more,” said Nuclear Malaysia director-general, Dr Mohd Abd Wahab Yusof, after launching the 9th International Conference on Non-Ionizing Radiation themed ‘5G: Transforming Our Future’ at Hotel Istana today.

“We’re conducting the study in Malaysia because we’ve only been disseminating information on 5G benefits and impact based on research from overseas,” he added.

The aim of the three-day gathering which started yesterday and with the participation of over 100 researchers, academicians, local and international industry players and others, is to shed light on non-ionizing radiation (NRI) utilisation in various fields like medical, telecommunications and electronics.

Nuclear Malaysia research officer, Roha Tukimin, said with the launch of 5G technology, telecommunications towers will increase and be closer to inhabited areas to enable things like smart cities and robotic technology.

However, exposure to NIR radio frequency (RF) does not impact health and, in actual fact, the Malaysian Communications & Multimedia Commission (SKMM) has set the RF limit at 1,000 microwatts per square metre, she said. — Bernama

Link : <https://www.malaymail.com/news/malaysia/2019/10/02/malaysian-nuclear-agency-to-conduct-comprehensive-5g-tech-study/1796565>

TEKNOLOGI 5G TIDAK JEJASKAN ISU KESELAMATAN, KESIHATAN – DR. MOHD

KUALA LUMPUR, 2 Okt (Malaysiaaktif) - Persidangan Antarabangsa Sinaran Tidak Mengion (ICNIR 2019) bertemakan "5G: Transforming Our Future" yang sedang berlangsung selama tiga hari bermula semalam di sini merupakan persidangan kali ke-9 diadakan sejak 2009.

Persidangan anjuran Agensi Nuklear Malaysia (Nuklear Malaysia) dan Malaysian Radiation Protection Association (MARPA) itu merupakan sebahagian daripada usaha pihak penganjur untuk menyebarkan beberapa isu berkaitan teknologi 5G yang diperkenalkan di Malaysia.

Menurut Ketua Pengarah Nuklear Malaysia Dr. Mohd Abd Wahab Yusof, usaha ini sejajar dengan usaha kerajaan untuk merealisasikan penggunaan 5G seawal akhir 2021.

"Malaysia kini berada di landasan terbaik menjadikan negara ini antara negara pertama di ASEAN membawa pengalaman 5G secara langsung yang bakal memanfaatkan rakyat, pihak industri dan kerajaan sendiri serta berpotensi tinggi untuk memacu kemajuan negara dalam bidang ini.

"Teknologi ini merupakan jaringan pantas yang mampu mencapai kelajuan 20Gbps dan Malaysia sudah pasti akan berdepan dengan perubahan ekoran teknologi ini yang membolehkan inovasi canggih seperti robotik, kereta swapandu, rangkaian pintar, bandar pintar dan menjadikan rakyat Malaysia terutama generasi muda mempunyai satu lagi platform untuk menyumbang kepada kemajuan negara," katanya ketika merasmikan persidangan tersebut, di sini hari ini.

Menurut Dr. Mohd, isu keselamatan dan kesihatan perlu ditangani berdasarkan penemuan saintifik terhadap impak teknologi terhadap kesihatan manusia dengan cara yang dipersetujui oleh suara ramai dalam kalangan pakar-pakar dalam pelbagai bidang yang berkaitan pada peringkat antarabangsa.



Ketua Pengarah Jabatan Agensi Nuklear sempat merakamkan foto kenangan dengan Jawatankuasa Penganjur Persidangan.

"Pada peringkat kebangsaan, Jawatankuasa Inter-Agency Working Committee (IAWC) on the Health of Effects of Non-Ionising Radiation yang dipengerusikan Kementerian Kesihatan Malaysia turut dianggotai oleh pelbagai organisasi seperti Agensi Nuklear Malaysia, merupakan platform yang digunakan pada peringkat kebangsaan bagi membincangkan isu NIR dan penemuan terkini dengan harapan sebarang tindakan yang diambil dan penyelesaian isu dapat tangani dan diselaraskan supaya rakyat dapat menikmati penggunaan teknologi dengan kesedaran yang jitu tentang keselamatannya.

"Ketika ini sinaran tidak mengion telah diaplikasikan secara meluas dalam pelbagai bidang industri, telekomunikasi, pertahanan, pengangkutan, pertanian dan juga hiburan. Berdasarkan kesedaran ini, pelbagai usaha telah dijalankan oleh Nuklear Malaysia dalam menyumbang kepada pembangunan penyelidikan, standard dan garis panduan had dedahan sinaran tidak mengion di Malaysia demi memastikan kualiti hidup dan kesejahteraan masyarakat Malaysia terpelihara," tambahnya.

Dalam persidangan ini, sejumlah 17 kertas terdiri daripada lima ucaptama dan 12 kertas kerja akan dibentangkan dan dihadiri oleh lebih 100 para penyelidik, ahli akademik dan pemain industri tempatan dan antarabangsa yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam kemajuan dan perkembangan sinaran tidak mengion.



Dr. Mohd mencuba aplikasi yang disediakan di tapak pameran yang mengambil bahagian pada persidangan ini.

Link : <https://malaysiaaktif.my/65362>

BERSEDIA TANGANI ISU KESELAMATAN 5G

KUALA LUMPUR 2 Okt. - Malaysia perlu bersedia menangani isu berkaitan keselamatan dalam penggunaan teknologi komunikasi generasi kelima (5G) apabila penggunaannya direalisasikan seawal-awalnya pada akhir 2021.

Beliau berkata, Agensi Nuklear Malaysia selaku agensi penyelidikan dan pembangunan bersama Kementerian Kesihatan berganding bahu dengan agensi perkhidmatan teknikal Sinaran Tidak Mengion (NIR) dalam mengaktifkan perhubungan dengan pakar Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

Kata beliau, di peringkat kebangsaan pula, penubuhan Jawatankuasa Kerja Antara Agensi Berkaitan Kesan Kesihatan Terhadap Sinaran Tidak Mengion dipengerusikan oleh Kementerian Kesihatan dan dianggotai oleh pelbagai pihak seperti Agensi Nuklear Malaysia, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) dan pelbagai organisasi lain, merupakan platform yang boleh digunakan di peringkat kebangsaan bagi membincangkan isu NIR dan penemuan terkini.

Kata beliau, berbekalkan pengalaman dan penyelidikan yang dijalankan selama ini, pihaknya bersedia untuk menyumbang kepada penambahbaikan standard atau garis panduan sedia ada untuk menangani isu keselamatan berkaitan penggunaan teknologi 5G ini.

Persidangan dua hari itu dihadiri kira-kira 100 peserta termasuk dari luar negara.

Link: <https://headtopics.com/my/bersedia-tangani-isu-keselamatan-5g-8670801>

KUALA LUMPUR: Agensi Nuklear Malaysia akan menjalankan kajian menyeluruh dan penilaian keselamatan terhadap kesan dan manfaat teknologi 5G kepada orang awam.

Ketua Pengarahnya Dr Mohd Abd Wahab Yusof berkata kajian yang akan bermula akhir tahun ini akan dilaksanakan bersama beberapa pihak berkepentingan termasuk Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

"Kami sudah mendapatkan beberapa peralatan baharu untuk menjalankan kajian ini untuk mengukur serta melaksanakan penilaian keselamatan aras radiasi dan sebagainya.

"Sebagai institut penyelidikan awam, kami akan jalankan kajian 5G di Malaysia kerana setakat ini kita hanya menyebarkan maklumat manfaat dan kesan 5G kepada rakyat berdasarkan kajian di luar negara," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Persidangan Antarabangsa Sinaran Tidak Mengion (ICNIR) 2019 '5G Transforming Our Future' kali ke-9 di Hotel Istana semalam.

Persidangan dua hari itu bermula semalam menampilkan lebih 100 penyelidik, ahli akademik dan pemain industri dari dalam dan luar negara, bertujuan memberi pendedahan mengenai aspek sinaran tidak mengion (NIR) yang digunakan di pelbagai industri termasuk perubatan, telekomunikasi dan peralatan elektronik.

Sementara itu, Pegawai Penyelidik Agensi Nuklear Malaysia Roha Tukimin berkata menara pemancar telekomunikasi dijangka bertambah dan semakin hampir dengan kawasan orang awam selepas 5G dilancarkan.

Jelasnya penambahan itu disebabkan keperluan frekuensi teknologi 5G yang semakin tinggi dan meluas termasuk bagi tujuan teknologi robotik dan bandar pintar.

Bagaimanapun, katanya, pengguna tidak perlu gusar kerana teknologi 5G menggunakan frekuensi radio yang tergolong dalam kategori NIR dan tidak memberi kesan kepada kesihatan manusia.

Malah, katanya, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) telah menetapkan aras maksimum frekuensi itu tidak melebihi 1,000 micro watt bagi satu meter persegi.

Link : <https://www.pressreader.com/malaysia/utusan-borneo-sabah/20191003/282187947757721>

KKMM BERI PENEKANAN ASPEK KESELAMATAN TEKNOLOGI 5G

Masyarakat tidak perlu bimbang dengan radiasi frekuensi radio RF yang dipancarkan teknologi selular 5G kerana ia merupakan kategori radiasi tidak mengion NIR iaitu tidak memudaratkan kesihatan manusia. Bagaimanapun Ketua Pengarah Agensi Nuklear Malaysia Dr Mohd Abdul Wahab Yusof berkata kajian menyeluruh dan penilaian keselamatan terhadap kesan dan manfaat teknologi 5G akan dilaksanakan bermula hujung tahun ini.

Bertemakan 5G: Transforming Our Future, persidangan itu bagi memberi pendedahan kepada mengenai aspek sinaran tidak mengion yang berkaitan teknologi 5G, industri, perubatan, telekomunikasi, hiburan dan penyiaran dan peralatan elektrik dan elektronik. Persidangan tiga hari ini melibatkan lebih 100 peserta terdiri golongan penyelidik, ahli akademik dan pemain industri tempatan dan antarabangsa yang berkaitan.

Link : <http://www.onenews.my/kkmm-beri-penekanan-aspek-keselamatan-teknologi-5g/>

MALAYSIAN NUCLEAR AGENCY TO CONDUCT COMPREHENSIVE 5G TECH STUDY

KUALA LUMPUR: The Malaysian Nuclear Agency (Nuclear Malaysia) will conduct a thorough study together with stakeholders — the Ministry of Health included — on the impact and benefits of 5G technology on people, beginning the end of the year.

"We've got some new equipment to measure and assess radiation level safety and more," said Nuclear Malaysia director-general, Dr Mohd Abd Wahab Yusof, after launching the 9th International Conference on Non-Ionizing Radiation themed "5G: Transforming Our Future" at Hotel Istana yesterday.

"We're conducting the study in Malaysia because we've only been disseminating information on 5G benefits and impact based on research from overseas," he added.

The aim of the three-day gathering which started yesterday and with the participation of over 100 researchers, academicians, local and international industry players and others, is to shed light on non-ionizing radiation (NRI) utilisation in various fields like medical, telecommunications and electronics.

Nuclear Malaysia research officer, Roha Tukimin, said with the launch of 5G technology, telecommunications towers will increase and be closer to inhabited areas to enable things like smart cities and robotic technology.

However, exposure to NIR radio frequency (RF) does not impact health and, in actual fact, the Malaysian Communications & Multimedia Commission (SKMM) has set the RF limit at 1,000 microwatts per square metre, she said. — Bernama

Link : <https://www.thesundaily.my/local/malaysian-nuclear-agency-to-conduct-comprehensive-5g-tech-study-GY1441769>

FIVE INNOVATIONS WIN RM250,000 SELANGOR RESEARCH GRANTS

KUALA LUMPUR: Five innovations emerged winners in a competition in conjunction with the Selangor Research, Development and Innovation Expo yesterday, winning a total of RM250,000 in research grants from the Selangor government.

Grants worth RM50,000 for each category are provided based on cluster, namely, food and beverages; electrical and electronic; machination and equipment; and transportation and life sciences for research project development.

The recipients were researchers from University of Malaya (food and beverages; electricity and electronics), Universiti Putra Malaysia (transportation), Shah Alam City Council (MBSA) (machination and equipment) and Malaysian Nuclear Agency (life sciences).

Selangor Mentri Besar Amirudin Shari presented the research grants at the Malaysian International Trade and Exhibition Centre (Mitec) here yesterday.

Meanwhile, MBSA engineer Datuk Ts Feroz Hanif Mohamed Ahmad whose innovation was in the form of a "composite porous concrete slab" drain cover, said the grant would be used for further research into improving the product.

"Among the advantages of this drain cover is that it can scale down excess water that can cause flash floods. For now we are using ordinary concrete but maybe we will advance and use lighter concrete to facilitate the drain cleaning work for the relevant party," he said.

Amirudin told reporters when met that the inaugural programme showed that Selangor had many world-class research projects and initiatives that can bring Selangor to a higher level and improve the quality of life of the people and communities of the state.

He said the expo would be held again next year.

According to him, RM11 million had been allocated by private companies for the expo aimed at expanding study and research projects.

The four-day expo started on Oct 10, bringing together more than 250 research findings from higher education institutions, government agencies and various companies in Selangor. It also featured design competitions, Selangor State Innovation Awards, seminars and research institute exhibitions. — Bernama

Link : <https://www.thesundaily.my/local/five-innovations-win-rm250-000-selangor-research-grants-DN1483757>

HIGHLIGHTING THE PSYCHOLOGICAL IMPACT OF SMARTPHONES ON STUDENTS AT THE 9TH INTERNATIONAL CONFERENCE ON NON-IONIZING RADIATION (ICNIR 2019)

As Malaysia is progressing towards 5G – the fifth generation of mobile technology – one of the important aspects that requires public attention is the ways that smartphones are impacting human psychology especially among the students. A recent report by the Internet Consumer Survey 2018 published by the Malaysian Communication and Multimedia Commission (MCMC) revealed that on average, Malaysians spent 6.6 hours per day browsing the internet, with 93% of them accessing the internet using their smartphones. MCMC through its Hand Phone Users Surveys that were published between the years 2009 to 2017 also reported that teenagers and young adults dominated the number of mobile phone users in Malaysia. Indeed, Malaysia is not the only country experiencing such phenomenon, as the same issue has also raised the concerns among the world leaders and educators, made evident by UNICEF's 2017 report, "Children in Digital World". In a more recent development, social scientists especially the psychologists have been exploring the impact of smartphones on students' physical development and psychological well-being through various research.



Dr. Narina making her points during the talk

These are among the points highlighted by Dr. Narina A. Samah, an associate professor from the School of Education, Faculty of Social Sciences and Humanities (FSSH) during her talk as an invited speaker at the 9th International Conference on Non-Ionizing Radiation (ICNIR 2019). The conference was organized by the Malaysian Nuclear Agency, in collaboration with the Ministry of Health, Department of Occupational Safety and Health (DOSH), Energy Commission and MCMC, and was held at Hotel Istana, Kuala Lumpur from 1-3 October 2019, with the theme of "5G: Transforming Our Future". Over 100 local and international researchers, academics and representatives from the industry came together to share the latest updates and research findings on non-ionizing radiation (NRI) in relation to the advancement of 5G technology and its impact on various socio-economic aspects.



Prof. Rodney Croft (standing in front of the microphone) from the University of Wollongong participated in the Q&A session during the talk.

